

BAB LIMA

KESIMPULAN, CADANGAN DAN PENUTUP

5.0 Pendahuluan

Bab ini akan membicarakan dan merumuskan hasil kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik dan akan menjawab persoalan-persoalan kajian yang telah ditetapkan oleh penyelidik dalam bab yang pertama. Di samping itu juga penyelidik akan menyenaraikan beberapa cadangan kepada pihak berkenaan bagi mempertingkatkan lagi penguasaan bahasa Arab pelajar umumnya dan penguasaan kemahiran bertutur khususnya. Dalam bab ini juga penyelidik akan menyarankan kajian-kajian lanjutan yang boleh dijalankan oleh penyelidik lain pada masa akan datang.

5.1 Kesimpulan

Di dalam kesimpulan ini penyelidik akan mengutarakan beberapa perkara penting yang berkaitan dengan kajian ini berdasarkan kepada hasil kajian dan interpretasi keputusan semua data yang telah dibincangkan dalam bab yang ke empat. Daripada dapatan kajian dapatlah dirumuskan beberapa kesimpulan seperti berikut :

5.1.1 Tahap Penerimaan Pelajar Terhadap Aktiviti Lakonan Semasa P&P Bahasa Arab.

- a) Pembelajaran bahasa Arab melalui aktiviti lakonan adalah sesuai dijalankan semasa P&P kerana dari dapatan kajian ini terdapat sebahagian besar pelajar bersetuju mengatakan kesesuaian ini iaitu seramai 18 pelajar (60%) mengatakan aktiviti lakonan adalah sesuai dijalankan semasa P&P bahasa Arab, 11 pelajar (36.7%) bersetuju mengatakan ianya sangat sesuai untuk dilaksanakan dalam P&P dan hanya seorang pelajar mengatakan sederhana sesuai.
- b) Aktiviti lakonan dapat membantu dalam pembelajaran bahasa Arab pelajar kerana didapati 25 pelajar iaitu 83.3% mengatakan aktiviti ini adalah sesuai dan sangat sesuai dalam membantu pembelajaran bahasa Arab mereka. Manakala selebihnya seramai 5 pelajar 16.7% sahaja kurang bersetuju dengan kenyataan ini.
- c) Tahap keaktifan pelajar adalah tinggi dalam aktiviti lakonan iaitu 5 pelajar 16.7% sangat aktif dan 16 pelajar 53.3% adalah aktif selebihnya di tahap sederhana aktif. Ini memberi kesimpulan bahawa aktiviti lakonan dapat menarik perhatian dan minat pelajar untuk menyertai dalam aktiviti P&P.
- d) Aktiviti lakonan bukanlah satu aktiviti pilihan guru dalam P&P bahasa Arab mereka. Ini berdasarkan data bahawa sembilan pelajar iaitu 30% mengatakan bahawa aktiviti lakonan adalah aktiviti yang digunakan oleh guru. Selebihnya terdapat lapan pelajar 26.7% mengatakan aktiviti nyanyian, selebihnya mengatakan aktiviti lain iaitu 13 pelajar yang mewakili 43.3%.

5.1.2 Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan Aktiviti Lakonan

- a) Aktiviti lakonan semasa P&P bahasa Arab memberikan kesan yang positif kepada pembelajaran kemahiran bertutur di kalangan pelajar. Ini dibuktikan dengan data responden yang mencatatkan min 3.70 iaitu tahap yang baik.
- b) Menurut responden pembelajaran fonetik juga dapat diperbaiki lagi menerusi aktiviti lakonan kerana data mencatatkan min 3.93 yang menggambarkan persetujuan pelajar terhadap item ini.
- c) Pembelajaran kosa kata juga sesuai dijalankan dengan menggunakan aktiviti lakonan. Ini dapat dilihat pada min lakonan dan pembelajaran kosa kata yang mencatatkan min 3.70 iaitu ditahap yang baik.
- d) Begitu juga dengan pembelajaran nahu bahasa Arab, min yang dicatatkan adalah 3.62 iaitu responden kebanyakan bersetuju dengan peranan aktiviti ini dalam pembelajaran bahasa Arab.
- e) Manakala peranan aktiviti lakonan dalam membentuk strategi komunikasi pelajar boleh dikatakan di tahap yang sederhana iaitu mencatatkan min sebanyak 3.50. Daripada data ini penyelidik dapat membuat rumusan bahawa strategi komunikasi merupakan suatu yang lumrah, ianya boleh datang dengan sendiri tanpa dirancang. Justeru strategi-strategi yang baik boleh digunakan dalam berkomunikasi.

5.1.3 Tahap Penglibatan Pelajar Dalam Aktiviti Lakonan

- a) Semua pelajar iaitu 100% memberikan kerjasama untuk berbincang sebelum aktiviti lakonan dijalankan. Keadaan ini akan mewujudkan suasana yang aktif apabila aktiviti lakonan dijalankan, ini juga merupakan petanda pelajar amat berminat dengan aktiviti lakonan semasa P&P bahasa Arab.
- b) Dari segi keyakinan bertutur semasa aktiviti lakonan ini juga dapat dirumuskan pelajar mempunyai keyakinan yang tinggi dimana jika dilihat pada analisis terdapat 18 pelajar iaitu 60% mencatatkan keyakinan tinggi dan selebihnya 12 pelajar iaitu 40% mencatatkan keyakinan sederhana.
- c) Dalam aktiviti lakonan ini juga tahap penglibatan pelajar adalah tinggi. Ini dapat diperhatikan pada data pada jadual 4.10 yang mencatatkan 22 pelajar (73.3%) menunjukkan penglibatan yang tinggi dan tujuh pelajar (23.3%) menunjukkan penglibatan yang sederhana.
- d) Sebahagian besar pelajar juga sentiasa berusaha untuk bertutur dengan sebaik mungkin iaitu 26 pelajar (86.75%) mempunyai tahap usaha yang tinggi untuk bertutur dengan baik dan selebihnya 4 pelajar iaitu (13.3%) di tahap usaha yang sederhana.
- e) Tiada seorang pun yang dicatatkan tidak berusaha untuk membantu rakan-rakan dalam bertutur bahasa Arab melalui aktiviti lakonan ini. Sebaliknya semua pelajar membantu rakan untuk bertutur iaitu 11 pelajar (36.7%) bersedia membantu dengan tahap yang tinggi dan 19 pelajar (63.3%) sederhana dalam

memberikan bantuan. Keadaan ini menjadikan aktiviti lakonan akan lebih menarik dan aktif kerana setiap pelajar sentiasa membantu rakan-rakan lain untuk bertutur bersama- sama.

5.1.4 Permasalahan Sebenar Pertuturan Pelajar

- a) Secara keseluruhannya pelajar masih menghadapi permasalahan yang besar dalam pertuturan bahasa Arab. Walaupun dalam bidang penulisan terdapat pelajar yang baik, tetapi ianya tidak menggambarkan keupayaan pertuturan pelajar.
- b) Pelajar sekolah menengah juga masih mempunyai permasalahan dalaman dari segi malu, gugup, gagap, bimbang, risau dan seumpamanya apabila bertutur di hadapan khalayak. Justeru latihan dan penggunaan bahasa Arab yang berterusan dapat membantu mengatasi masalah ini.
- c) Kesukaran untuk mengingatkan kosa kata juga menjadi punca kepada masalah pertuturan dikalangan pelajar sekolah menengah. Keadaan ini akan membantutkan keupayaan bertutur pelajar dalam bahasa Arab kerana kosa kata memainkan peranan yang penting untuk menentukan kejayaan pertuturan pelajar.
- d) Masalah utama yang menghalang pelajar sekolah menengah daripada bertutur dengan baik adalah masalah kosa kata. Antara masalah yang berkaitan dengan kosa kata mengikut turutannya adalah meninggalkan kosa kata yang sepatutnya

digunakan, memasukkan kosa kata yang tidak perlu dan menggunakan kosa kata yang tidak sesuai dengan ayat ataupun dengan apa yang hendak disampaikan.

- e) Selain itu penguasaan struktur juga merupakan masalah yang besar selepas masalah kosa kata yang menyebabkan penguasaan pertuturan pelajar sekolah menengah di tahap yang kurang memberansangkan. Walaubagaimanapun permasalahan ini jika dilihat dari sudut pembelajaran bahasa Arab komunikatif ianya tidak perlu diambil berat oleh guru, sebaliknya guru perlu mengabaikan kesalahan nahu dan membetulkannya secara tidak langsung bagi memberikan motivasi kepada pelajar untuk bertutur dengan menggunakan bahasa Arab. Penyelidik berpendapat permasalahan ini menjadikan semangat dan dalaman pelajar Melayu untuk bertutur menjadi kurang. Permasalahan struktur ini dapat dinyatakan mengikut turutan berikut dari segi keutamaan:

- Penggunaan kata kerja (al-fe‘el).
- Penggunaan subjek dan predikat(al-Mubtada’ wa al-Khabar).
- Penggunaan id^ā:fat.
- Penggunaan gantinama.(D^āmi:r)
- Penggunaan kata tunjuk.(al-Ism al-Isya:rat)
- Penggunaan KN am dan KN khas. (al-Ta‘ri:f wa al-Tanki:r)

- f) Masalah fonetik pula merupakan masalah yang selalu dihadapi oleh pelajar sekolah menengah ketika bertutur dalam bahasa Arab. Ini kerana fonetik Arab adalah berbeza daripada fonetik bahasa ibunda terutamanya pada beberapa fonetik yang terdapat dalam bahasa Arab tetapi tidak terdapat pada bahasa

ibunda, seperti fonetik 'ain, tha:', ghain, d□ho:d dan seumpamanya. Berdasarkan dapatan kajian dapat dirumuskan bahawa masalah fonetik di kalangan pelajar sekolah menengah mengikut turutan adalah seperti berikut :

- Bunyi geseran
- Bunyi letupan

g) Masalah berkaitan dengan strategi komunikasi adalah kurang dan ianya berlaku pada ketika tertentu sahaja seperti ketika kehilangan idea, permulaan percakapan dan seumpamanya. Melalui penyelidikan ini penggunaan strategi komunikasi di kalangan pelajar sekolah menengah hanya tertumpu kepada beberapa strategi sahaja iaitu, penjedaan, pengulangan dan rayuan. Dari segi keutamaan dapat dirumuskan permasalahan ini seperti berikut :

- Penjedaan
- Pengulangan
- Rayuan

h) Cadangan bagi mengatasi permasalahan pertuturan juga telah di senaraikan oleh pelajar seperti yang terdapat dalam bab ini. Kebanyakan mereka memberikan cadangan yang bermakna kepada diri mereka sendiri dan guru-guru dalam membantu mereka mempertingkatkan lagi kemahiran bertutur.

5.2 Cadangan Pelajar

Setelah menganalisis keseluruhan dapatan kajian ini, kesimpulannya dapat dirumuskan bahawa pelajar Melayu sangat menghadapi masalah ketika ingin bertutur dengan bahasa Arab. Daripada kajian ini terdapat beberapa saranan yang diberikan oleh untuk meningkatkan lagi penguasaan bertutur di kalangan pelajar bahasa Arab, saranan tersebut terbahagi kepada dua bahagian iaitu saranan terhadap pihak pelajar dan guru bahasa Arab.

1. Saranan Kepada Pelajar

- a. Setiap pelajar hendaklah mengadakan buku perbualan individu untuk membiasakan mereka bertutur dalam bahasa Arab. Dengan adanya buku ini mereka boleh mencatatkan terus perbualan-perbualan yang sepatutnya dan sesuai dengan situasi yang dilalui.
- b. Pelajar hendaklah sentiasa mengamalkan perbualan bahasa Arab dengan kawan - kawan sama ada dalam kelas mahupun di luar kelas.
- c. Pelajar hendaklah sentiasa berusaha untuk menambahkan kosa kata Bahasa Arab dengan menghafal, mencatat nota, memperbanyakkan bacaan, latihan dan seumpamanya.

- d. Pelajar mestilah sentiasa menghafal kosa kata bahasa Arab mengikut baris yang tepat. Oleh itu pelajar perlulah sentiasa merujuk kepada kamus dan guru-guru bagi memastikan ketepatan baris perkataan dan juga sebutannya.

2. Saranan Kepada Guru

- a. Guru mestilah sentiasa berkomunikasi dengan menggunakan bahasa Arab sepenuhnya semasa P&P bahasa Arab ataupun di luar P&P, serta menggalakkan pelajar untuk menggunakannya.
- b. Guru boleh menggunakan aktiviti lakonan dan membuat rakaman suara ketika pelajar bertutur dalam bahasa Arab supaya pelajar tertarik untuk bertutur dalam bahasa Arab.
- c. Mempelbagaikan aktiviti semasa P&P bahasa Arab seperti nyanyian, permainan, teka-teki, menonton video dan seumpamanya supaya dapat menarik minat pelajar.
- d. Mengadakan kelas intensif untuk pelajar bahasa Arab. Dengan adanya kelas tersebut guru-guru boleh menumpukan sepenuhnya dalam meningkatkan kemahiran berbahasa di kalangan pelajar terutama kemahiran bertutur tanpa perlu memikirkan untuk menyelesaikan sukatan.
- e. Menyediakan bahan yang sesuai untuk P&P bahas Arab terutama bagi kemahiran bertutur seperti rancangan televisyen atau radio, tontonan video dan seumpamanya.

5.3 Cadangan Penyelidik

1) Aspek Pembelajaran Pelajar

- a. Setiap pelajar hendaklah sentiasa berusaha bertutur dengan menggunakan bahasa Arab dengan rakan-rakan dan guru semasa P&P dan juga di luar P&P. Ini akan memberikan keyakinan kepada pelajar seterusnya perasaan gugup akan berkurangan.
- b. Pelajar hendaklah sentiasa mempertingkatkan penguasaan kosa kata dengan mengambil inisiatif sendiri seperti pembacaan yang banyak, mengadakan kamus individu, latihan, ulangkaji, menghafal dan sebagainya.
- c. Pelajar juga mestilah membuang sifat negatif dan tanggapan yang remeh terhadap matapelajaran bahasa Arab, sebaliknya mereka mestilah menganggap matapelajaran BA adalah penting dan setaraf dengan matapelajaran lain.
- d. Pelajar mestilah menanamkan minat yang mendalam untuk mempelajari bahasa Arab sejajar dengan kepentingan dan kelebihan yang terdapat pada bahasa Arab di samping tidak jemu berusaha untuk meningkatkan penguasaan BA dengan sentiasa merujuk kepada guru apabila terdapat permasalahan.

2) **Aspek Pengajaran Guru**

- a. Guru mestilah sentiasa berkomunikasi dengan menggunakan bahasa Arab sepenuhnya semasa P&P bahasa Arab ataupun di luar P&P. Keadaan ini akan membangkitkan suasana bahasa Arab di sekolah dan dapat mewujudkan kesediaan pelajar untuk bertutur dengan menggunakan bahasa Arab.
- b. Guru hendaklah kreatif dan inovatif dalam memilih dan menggunakan aktiviti yang dapat menarik minat pelajar contohnya aktiviti lakonan, guru mestilah mempelbagaikan aktiviti lakonan tersebut samada ingin membuat rakaman suara ketika pelajar bertutur dalam bahasa Arab, rakaman audio dan sebagainya.
- c. Selain daripada aktiviti lakonan, guru juga boleh mempelbagaikan aktiviti semasa P&P bahasa Arab seperti aktiviti nyanyian, permainan dan seumpamanya supaya dapat menarik minat pelajar.
- d. Setiap aktiviti yang ingin digunakan, guru mestilah mendalami dan memahaminya terlebih dahulu bermula daripada perancangan, pelaksanaan dan perbincangan. Selain dapat memberikan keseronokan kepada pelajar ia juga dapat memaksimumkan hasil yang hendak dicapai.
- e. Guru mestilah sentiasa menggunakan bahasa Arab standard semasa bertutur dengan pelajar dan mementingkan sebutan yang jelas dan tepat. Hal ini sangat penting dalam melatih pelajar untuk menguasai fonetik bahasa Arab. Begitu

juga guru mestilah mengadakan latihan khusus untuk pembelajaran fonetik Arab.

- f. Menyediakan bahan yang sesuai untuk P&P bahasa Arab terutama bagi kemahiran bertutur seperti rancangan televisyen atau radio, tontonan video dan seumpamanya. Rancangan yang dipilih mestilah menggunakan bahasa Arab standard dan kelajuan pertuturan adalah di tahap yang sederhana sesuai dengan tahap pelajar. Daripada bahan ini pelajar juga dapat mempelajari aspek intonasi, sebutan dan tekanan yang betul.
- g. Mempelbagaikan latihan dan ujian kepada pelajar, Ini kerana jika diperhatikan kepada soalan peperiksaan ianya tidak mempunyai elemen soalan fonetik atau pun pertuturan. Contohnya guru boleh mengadakan soalan penulisan dan soalan sebutan secara bergilir-gilir.
- h. Guru juga boleh mengadakan inisiatif dengan mempelbagaikan buku-buku rujukan, buku-buku latihan, akhbar, majalah, brosur, kad imbasan dan sebagainya supaya pelajar dapat menambahkan bahan bacaan seterusnya pelajar dapat menambahkan kosa kata mereka.
- i. Guru mestilah sentiasa mendalami ilmu terutamanya ilmu berkaitan pedagogi bahasa Arab yang terkini dan berkesan. Ini dapat diperolehi melalui pembacaan yang luas oleh guru dan kehadiran mereka ke kursus-kursus pendek yang dianjurkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia ataupun Institusi Pendidikan Tinggi Awam.

3) **Aspek Pentadbiran Sekolah**

- a. Mewujudkan suasana bahasa Arab di sekolah dengan menampalkan nama-nama tempat, barangan, perabot, dan lain lain yang terdapat di sekolah dalam bahasa Arab, mewujudkan mural dan anjung bahasa Arab bagi menarik minat pelajar untuk mendalami bahasa Arab.
- b. Mewujudkan persatuan bahasa Arab dan memantau keaktifan program yang dilaksanakan, serta sentiasa memberikan sokongan terhadap segala aktiviti yang hendak dilaksanakan.
- c. Memberikan pelepasan kepada guru-guru bahasa Arab untuk berkursus tentang kaedah pembelajaran bahasa Arab terkini. Begitu juga pihak sekolah semestinya memberikan sokongan yang sepenuhnya kepada guru-guru bahasa Arab yang melanjutkan pelajaran mereka ke tahap yang lebih tinggi.
- d. Memberikan sepenuh sokongan kepada aktiviti-aktiviti bahasa Arab yang dijalankan disekolah dengan sokongan kewangan dan sokongan moral.
- e. Memberikan penghargaan yang sama kepada pelajar dan guru bahasa Arab yang menjalankan tugas dengan baik dan menghasilkan pencapaian yang membanggakan samada dalam bidang kurikulum mahupun ko-kurikulum.

4) Saranan Kepada Kementerian Pelajaran Malaysia

- a. Memperbanyakkan kursus tentang kaedah pengajaran bahasa Arab yang terkini kepada guru dalam perkhidmatan samada dalam ataupun luar negara. Kursus-kursus ini hendaklah diberikan secara menyeluruh kepada guru-guru dan bukannya terhad kepada mereka yang terpilih sahaja.
- b. Memperbanyakkan bahan bantu mengajar untuk matapelajaran bahasa Arab umumnya dan untuk kemahiran kemahiran bertutur khususnya. Kementerian Pelajaran juga mestilah memantau pengaliran bahan bantu tersebut supaya sampai ke semua sekolah dan juga memantau penggunaan bahan bantu tersebut.
- c. Mempersembahkan buku teks dalam bentuk yang lebih cenderung kepada perbualan, lakonan dan seumpamanya supaya aspek pertuturan dan sebutan dapat dilaksanakan dengan lebih menyeluruh dan berkesan.
- d. Menganjurkan kem, ihtifal, pertandingan dan seumpamanya kepada pelajar yang mengambil bahasa Arab dengan lebih kerap dan menyeluruh kepada semua sekolah yang mengambil matapelajaran bahasa Arab.
- e. Menyediakan kurikulum kursus pra perguruan yang memberikan penekanan kepada aspek pengajaran kemahiran bertutur. Apabila guru mahir dalam kaedah pengajaran pertuturan kesannya akan dapat dilihat kepada pertuturan pelajar.

- f. Memilih guru-guru bahasa Arab yang hanya berkelulusan bahasa Arab sahaja. Manakala mereka yang berkelulusan bidang agama hanya untuk menjadi guru Pendidikan Islam.

5) Saranan Kepada Masyarakat dan Pihak Swasta

- a. Masyarakat dan ibu-bapa juga memainkan peranan penting dalam memberikan sokongan kepada pelajar bahasa Arab dengan sokongan moral, sokongan masa, sokongan kewangan dan seumpamanya.
- b. Pihak swasta juga boleh memainkan peranan dengan membiayai program-program yang berkaitan dengan bahasa Arab dengan memberikan sumbangan kewangan ataupun bahan-bahan bantu mengajar.
- c. Selain itu pihak swasta juga boleh memberikan sokongan dengan menyediakan lebih banyak biasiswa kepada pelajar-pelajar jurusan bahasa Arab untuk melanjutkan pengajian dalam bidang BA dalam dan luar negara.

5.4 Cadangan Kajian Lanjut

Berikut adalah beberapa saranan kajian lanjutan yang difikirkan sesuai oleh penyelidik untuk dilaksanakan oleh penyelidik-penyelidik akan datang untuk menambah baik kajian sedia ada dan memperkembangkan lagi dapatan kajian seterusnya dapat

meningkatkan lagi prestasi pertuturan pelajar dalam bahasa Arab dan penguasaan bahasa Arab mereka.

- a) Kajian lanjutan tentang keberkesanan penggunaan aktiviti lakonan dalam membantu meningkatkan kemahiran pertuturan pelajar.
- b) Kajian tentang persepsi dan penggunaan guru terhadap aktiviti lakonan dalam pembelajaran bahasa Arab di sekolah-sekolah yang berbeza dan melibatkan bilangan responden yang lebih ramai.
- c) Kajian tentang kemahiran guru terhadap penggunaan penggunaan aktiviti-aktiviti di dalam kelas termasuklah aktiviti permainan, nyanyian, lakonan dan seumpamanya.
- d) Kajian tentang halangan-halangan yang membantutkan guru menggunakan kepelbagaian aktiviti semasa P&P bahasa Arab di sekolah.

5.5 Penutup

Penyelidik telah merumuskan membuat kesimpulan dan menghuraikan hasil dapatan kajian yang telah dijalankan secara terperinci berdasarkan kepada interpretasi ke atas dapatan kajian ini. Ini merupakan huraian hasil daripada dapatan kajian bagi menjawab persoalan kajian yang telah ditetapkan di awal kajian seterusnya bagi mencapai segala objektif kajian ini. Akhirnya penyelidik mengharapkan semoga dapatan kajian ini dapat

memberi makna kepada peningkatan penguasaan pelajar terhadap matapelajaran bahasa Arab dan pihak-pihak yang berkaitan dengan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia.